

Headline	Semakan tarif elektrik beri kesan positif kepada profil kewangan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Niaga	Page No	55
ArticleSize	160 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 4,173		



## Semakan tarif elektrik beri kesan positif kepada profil kewangan TNB

**KUALA LUMPUR** – RAM Ratings Services Bhd. (RAM) menjangkakan semakan tarif elektrik yang diumumkan baru-baru ini bakal memberi kesan positif kepada Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

RAM dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam berkata, kadar semakan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2014 itu akan dapat menampung kos bahan api yang tinggi dan peningkatan perbelanjaan operasi yang ditanggung TNB.

“Kami percaya pelaksanaan Mekanisme Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) bersama-sama dengan Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) dapat membantu mengekalkan profil kewangan jangka panjang TNB.

“Ini mengukuhkan jangkaan kami terhadap sokongan padu dan konsisten kerajaan kepada TNB (diberi penarafan AAA/stabil/) ekoran peranan pentingnya sebagai syarikat



SEMAKAN kadar tarif elektrik dapat membantu TNB mengurangkan impak terhadap tanggungan kos bahan api yang semakin bertambah. – Gambar hiasan

elektrik nasional,” kata agensi penarafan itu.

RAM menjelaskan, ICPT membolehkan kos bahan api TNB di-

semak semula secara tetap, manakala IBR membolehkan kecekapannya diserapkan kepada tarif asas. – Bernama